

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penyelenggaraan tanah milik KEMENTAH Tapak MDSTP di Sungkai, Perak tentang jumlah pembayaran cukai tanah tahunan dari 2010 hingga 2019, serta pendapatan yang dijana oleh Tapak MDSTP (dari 2010 hingga 2019) yang kini disewakan bagi tujuan pertanian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan keluasan bagi sewaan Tanah Persekutuan kegunaan Kementerian Pertahanan di Lot 5847, PT 4815 dan PT 4816 Mukim Sungkai Daerah Batang Padang, Perak dengan keluasan keseluruhan tanah adalah 1,222.772 ekar. Daripada jumlah keluasan tanah berkenaan, sebahagian tanah seluas 309.678 ekar telah disewa kepada beberapa syarikat untuk mengusahakan aktiviti pertanian seperti tanaman kontan, mengutip hasil sawit, tanaman jambu batu dan pelbagai lagi hasil tanaman.

Tujuan sewaan tanah tersebut adalah bagi memastikan kerajaan mendapat hasil daripada aktiviti sewaan tanah di samping mengelakkan berlaku pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bagi tapak yang dicadangkan untuk *Projek Malaysian Defence And Security Technology Park* (MDSTP) ini, Kerajaan dianggarkan telah menerima hasil bayaran sebanyak RM 419,940 melalui hasil sewaan tanah sejak tahun 2010 hingga tahun 2019.

Urusan penyewaan tanah seperti pengeluaran Surat Setuju Terima dan Perjanjian Penyewaan diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Cukai tanah tahunan juga dibayar dan diurus oleh pihak JKPTG selaku tuan tanah dengan nilai bayaran cukai tanah setahun adalah sebanyak RM 1.48 juta (berdasarkan tanah Persekutuan kegunaan Kementerian Pertahanan seluas 1,222.772 ekar).